

**LEMBAGA TABUNG ANGGARAN TENTERA
PANDUAN UNTUK MENGGISI BORANG PENGAKUAN OLEH WARIS**

Sila baca panduan ini dengan teliti sebelum mengisi borang. Borang permohonan hendaklah diisi dengan huruf besar. Sila sertakan salinan kad pengenalan anda.

KETERANGAN AHLI

1. NOMBOR TENTERA

Lengkapkan nombor tentera gemulah dengan mengisikan satu digit di setiap ruang seperti contoh di bawah dan diikuti dengan kod tentera di petak terakhir seperti berikut:

1 Pegawai 2 LLP

Contoh

1. Jika anda seorang anggota LLP dan nombor anda ialah 1018792

1 0 1 8 7 9 2 2

2. Jika anda seorang pegawai dan nombor anda ialah 300456

3 0 0 4 5 6 1

2. NAMA

Tuliskan nama gemulah sebagaimana yang tercatat pada BAT C 10. Jika nama gemulah di dalam BAT C ialah **MOHAMAD AIDIL BIN MOHAMAD YUSOP**. Sila tuliskan seperti di bawah.

M O H A M A D A I D I L B I N M O

H A M A D Y U S O P

3. Kosongkan ruangan ini untuk dilengkapkan oleh pegawai LTAT.

KETERANGAN WARIS

4. NAMA MENGIKUT KAD PENGENALAN

Tuliskan nama gemulah sebagaimana yang tercatat di dalam kad pengenalan anda. Jika nama gemulah di dalam kad pengenalan ialah **MAIMUNAH BINTI ALI**. Sila tuliskan seperti di bawah.

M A I M U N A H B I N T I A L I

5. ALAMAT TETAP

Tulis alamat tetap anda yang lengkap bagi memudahkan urusan surat-menyurat dan urusan penghantaran cek oleh LTAT. Jika alamat anda ialah **NO. 70, KAMPONG ENGGOR, 33600 ENGGOR, PERAK** isikan ruangan seperti berikut:

N O 7 0 K A M P O N G E N G G O R

POSKOD 3 3 6 0 0 BANDAR E N G G O R

NEGERI P E R A K

6. NOMBOR KAD PENGENALAN

Isikan nombor kad pengenalan anda sebagaimana yang tercatat pada kad pengenalan anda. Jika nombor kad pengenalan anda ialah 600303-14-5953

6 0 0 3 0 3 - 1 4 - 5 9 5 3

7. TALIAN PERSAUDARAAN

Tuliskan tali persaudaraan anda dengan gemulah. Jika anda adalah balu kepada gemulah, isikan ruangan seperti berikut:

B A L U

8. NOMBOR TELEFON

Isikan nombor telefon di ruangan yang disediakan seperti contoh di bawah.

Contoh: Nombor telefon pejabat: 03-21489777 dan nombor telefon bimbit 016-6058901

(PEJ) 0 3 - 2 1 4 8 9 7 7 7 (RUMAH) 0 1 6 - 6 0 5 8 9 0 1

9. Sila nyatakan nombor akaun Affin Bank Berhad anda beserta nama cawangannya sekiranya anda memilih untuk pembayaran dikreditkan ke dalam akaun bank anda.

0 2 1 6 0 0 0 0 0 0 0 5 8 7 6 Di Affin Bank Berhad CawanganLTAT.....

10. Sila pastikan:

1. Cap jari ibu jari tangan kiri dan kanan anda diturunkan dengan **terang dan penuh** di ruangan yang disediakan dengan menggunakan pad cap jari **berwarna hitam**.
2. Tandatangan dan catat tarikh di ruangan yang disediakan.

PANDUAN SISTEM PENGKREDITAN TERUS KE DALAM AKAUN BANK

* DOKUMEN UTAMA

1. Salinan Kad Pengenalan /salinan Kad Pengenalan Sementara atau salinan BAT C 10 / salinan BAT C 10 Sementara.
2. Salinan muka hadapan Buku Akaun Bank yang mengandungi butir-butir akaun tuan/puan atau Penyataan Pelanggan (Customers Inquiry)/Penyataan Deposit (Deposit Inquiry) bank yang asal atau Salinan Slip Gaji yang disahkan oleh Pegawai UGAT/Pasukan.
3. Jika permohonan tuan/puan dihantar melalui pos, salinan dokumen hendaklah disahkan oleh Pegawai Bank berkenaan (dicop nama dan jawatan).
4. Jika permohonan tuan/puan dihantar melalui serahan kaunter, sila kemukakan dokumen asal berserta salinannya bagi tujuan pengesahan oleh Pegawai Kaunter LTAT.
5. Setiap salinan buku/Penyataan Pelanggan (Customers Inquiry)/Penyataan Deposit (Deposit Inquiry) bank tersebut hendaklah diturunkan cap ibu jari kiri dan kanan di atasnya.

SENARAI PANEL BANK YANG DILANTIK OLEH LTAT BERSERTA KOD BANK

Bank-bank yang dilantik oleh LTAT untuk kemudahan Sistem Pengkreditan Terus Ke Dalam Akaun Bank Ahli

Kod Bank	Nama Bank
01	AFFIN BANK Berhad
02	CIMB Bank
03	Malayan Banking
04	Bank Islam Malaysia Berhad
05	Alliance bank
06	Ambank
07	EON Bank

Kod Bank	Nama Bank
08	Hong Leong Bank
09	Public Bank
10	RHB Bank
11	Bank Rakyat
12	Bank Simpanan Nasional
13	Bank Muamalat
14	Bank HSBC
15	Bank Standard Chartered

MAKLUMAN PENGKREDITAN BAYARAN TELAH DIKREDITKAN KE DALAM BANK

Arahan kepada pihak bank untuk mengkreditkan pembayaran kedalam akaun Tuan/Puan akan dibuat dalam tempoh 24 jam hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen lengkap.

BAYARAN YANG TIDAK BOLEH DIKREDITKAN KE DALAM AKAUN BANK

Bayaran tidak boleh dikreditkan ke akaun bank anda atas sebab-sebab berikut:

- i) Akaun bank anda dikategorikan sebagai negatif:
 - Pemegang akaun adalah seorang muflis
 - Akaun bank telah ditutup
 - Akaun bank dipanggil (account under recall)
 - Pemegang akaun tidak siuman
 - Akaun bank digarnis
 - Akaun bank dibekukan
 - Pemegang akaun di bawah tindakan undang-undang
 - Pemegang akaun telah meninggal dunia
 - Akaun bank dorman (yakni tidak aktif bagi tempoh 1 tahun ke atas)
- ii) Anda tidak mencatatkan butiran akaun bank anda dengan tepat.

